

KERATAN AKHBAR

JUDUL : Utusan Malaysia

TARIKH : Jumaat, 5 Januari 2018

M/S : 23

UTUSAN KOTA 23

Perpustakaan KMM perlu dikemaskini

MASJID TANAH 4 Jan. - Bahan bacaan menerusi buku berdasarkan ilmu perlu dikemaskini mengikut peredaran masa sekitaranya mahu memastikan aspirasi Transformasi Nasional 2050 (TN50) dapat diterapkan secara menyeluruh pada masa hadapan.

Ahli Parlimen Masjid Tanah, Datuk Mas Ermieyati Samsudin menyifatkan rujukan bahan bacaan berilmiah memainkan peranan penting dalam membentuk kecemerlangan dalam kalangan generasi muda di negara selain menjadi rujukan kepada sesuatu pembelajaran di peringkat sekolah mahupun institusi pengajian tinggi (IPT).

"Jika mahu menjayakan aspirasi TN50, setiap bahan bacaan berdasarkan ilmiah perlu dikemaskini secara berkala. Walau pun kini capaian bahan bacaan di laman sesawang mudah didapati serta sering kali dikemaskini, namun bahan bacaan menerusi buku juga perlu selari dengan peredaran zaman," katanya dalam sidang akhbar selepas melawat perpustakaan Kolej Matrikulasi Melaka (KMM) di sini semalam.

Yang turut hadir, Ketua Pengarah Perpustakaan Negara Malaysia, Datuk Nafisah Ahmad; Pengarah KMM, Rusilah Jais dan Pengarah Pejabat Pelancongan



MAS ERMIEYATI SAMSUDIN (depan) berswafoto bersama Nafisah Ahmad (kanan), Pengarah Kolej Matrikulasi Melaka, Rusilah Jais (tengah) dan pelajar selepas melawat Perpustakaan Kolej Matrikulasi Melaka, Masjid Tanah, Melaka, kelmarin. - UTUSAN/AZLI AHAD

dan Kebudayaan negeri Melaka, Jefri Munir.

Sementara itu, beliau yang juga Timbalan Menteri Pelancongan dan Kebudayaan menyatakan supaya buku-buku di perpustakaan kolej tersebut dapat ditambah baik dengan segera selepas kali terakhir dikemaskini pada tahun 1999.

"Saya kira ia agak terlalu lama

dan sudah tiba masanya bahan bacaan di sini dikemaskini dengan segera.

"Umum mengetahui KMM telah melahirkan sejumlah besar modal insan yang cemerlang selama beberapa tahun ini, maka bahan buku bacaan juga perlu selari dengan rekod cemerlang institusi ini sendiri.

Pada masa sama, beliau ber-

harap pihak tersebut dapat mengadakan kerjasama dengan Perpustakaan Negara Malaysia berkaitan sumber bahan bacaan serta hubungan strategik antara kedua-dua pihak.

Kolej berkenaan kini mempunyai 1,842 pelajar dan perpustakaan tersebut mampu muatkan 600 pelajar dalam satu masa.